



Bicara Merdeka semarakkan sambutan Bulan Kemerdekaan

Lebih 2,000 mahasiswa dan staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) hadir dalam Program Bicara Merdeka bersempena Sambutan Bulan Kemerdekaan Kali ke-56 yang mengupas tajuk “Malaysia Berdaulat: Tanah Tumpahnya Darahku” yang berlangsung pada 5 September 2013 yang lalu di Dewan Kompleks Sukan UMP.

Dalam program ini, mantan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan dan Pengarah Institut Alam & Tamadun Melayu dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr. Abdul Latif Samian dijemput berkongsi inspirasi dalam menghargai nilai kemerdekaan di tanah air tercinta ini. Manakala, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin bertindak sebagai moderator.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, penganjur program ini dapat memberi pencerahan tentang erti kemerdekaan yang sebenar di kalangan generasi muda yang lahir selepas merdeka.

“Kemerdekaan membawa pengertian

kebebasan dari penindasan. Malah, merdeka bukan sahaja bermaksud bebas melakukan apa sahaja tetapi kemerdekaan membawa maksud yang lebih luas yang memberi manfaat kepada semua,” katanya semasa berucap mewakili Naib Canselor UMP.

Memetik kata-kata Pendeta Za’aba, beliau berkata, kemerdekaan membawa dua perkara yang sangat penting iaitu kemerdekaan membawa pengertian kebebasan daripada kepercayaan bodoh yang sempit kepada yang cerdik dan membebaskan pemikiran.

“Dalam konteks UMP, seluruh warganya bukan sahaja perlu memenuhi tuntutan sains dan teknologi malah berpegang kepada nilai teras yang ditetapkan universiti,” ujar beliau.

Beliau mengharapkan mahasiswa UMP dapat mensyukuri nikmat Allah SWT yang dianugerahkan pada hari ini malah dapat memainkan peranan masing-masing dengan semangat merdeka dalam jiwa dan raga.

Sementara itu, menurut Profesor Dr. Abdul Latif, Malaysia adalah sebuah negara yang unik kerana mempunyai sistem raja berperlembagaan yang dapat menjaga kepentingan semua secara menyeluruh.

Selain itu, kontrak sosial yang diwujudkan juga dapat menjaga keharmonian masyarakat majmuk yang berbilang kaum.

Bagi Tan Sri Musa, generasi hari ini perlu mengetahui sejarah negara yang terbentuk dengan kepelbagaian kaum yang ada selain memahami kontrak sosial dalam berkongsi kuasa demi perpaduan untuk hidup bersama.

Katanya, dengan kebijaksanaan pemimpin terdahulu maka wujudlah beberapa parti yang ditubuhkan untuk kepentingan sesuatu kaum serta menjaga keamanan selepas merdeka.

Hadir sama dalam majlis Pendaftar UMP, Haji Mustafa Ibrahim merangkap pengerusi program sambutan bulan kemerdekaan peringkat universiti.

Bersempena sambutan bulan kemerdekaan ini UMP turut menganjurkan Ceramah Kemerdekaan “Semangat Patriotisme Dalam Kesukuan Satu Teladan Menyelami Erti Kemerdekaan” yang disampaikan atlet jaguh bina badan, Datuk Abdul Malek Mohamad Nor, Pertandingan Reka Bentuk Banner Kemerdekaan antara jabatan dan program khidmat masyarakat dalam membersihkan Pantai Lagenda di Kuala Pahang, Pekan.